

**S:** Tahmiah atas pelantikan Prof sebagai ahli IUPAC. Apakah kriteria yang dilihat pada Prof sehingga IUPAC melantik menjadi ahlinya?

**J:** Ini mungkin berdasarkan pengiktirafan sebelum ini yang saya terima pada peringkat antarabangsa terutama ketika dilantik sebagai profesor pelawat di beberapa universiti di luar negara serta kepakaran dalam bidang kimia terutama katalisis (pemangkin). Saya pernah menjadi profesor pelawat di Universiti Nagoya, Jepun (2011 dan 2012) iaitu satu daripada universiti terkemuka di negara matahari terbit itu yang menghasilkan beberapa penerima Nobel Laureates. Di Universiti Nagoya saya lebih menumpukan kepada kerjasama tenaga boleh diperbaharui memabatkan sisa pertanian di Jepun. Mereka mempunyai sistem pengurusan pertanian yang baik sehingga tidak perlu mengimport beras dari luar.

Selain universiti itu, saya juga menjadi profesor pelawat pertama di Curtin University, Australia cawangan Miri iaitu dari 2011 hingga 2015 apabila universiti itu mula-mula menubuhkan pusat penyelidikan di Sarawak dan di Universiti Teknologi PETRONAS (2012-2013).

Saya mewakili negara menerusi Institut Kimia Malaysia (IKM) dan apabila badan induk kimia dunia berpangkalan di Zurich, Switzerland itu melihat profil saya, mereka melantik saya menjadi Ahli Titular Bahagian 1 Kimia Fizikal dan Biofizikal sesi 2014-2015 dan 2016-2017. Ini adalah pengiktirafan tertinggi buat rakyat Malaysia dalam bidang kimia setakat ini dan Presiden IKM, Datuk Dr Soon Ting Kueh juga diberikan penghormatan dipilih sebagai Ahli Titular Bahagian Penyelidikan Kimia untuk Keperluan Dunia bagi sesi 2012-2013 dan 2014-2015. Pemilihan ini satu tanggungjawab besar namun saya akan berusaha sedaya upaya demi nama baik UPM, IKM dan negara.

**S:** Apakah peranan yang dimainkan Prof dalam badan induk pertubuhan kimia di seluruh dunia itu?

**J:** Disebabkan kepakaran khusus saya dalam bidang katalisis, jadi peranan saya menjurus dalam bidang itu. Contohnya mengeluarkan panduan dan kaedah standard dalam pengukuran bahan kimia serta menamakan bahan kimia baharu yang akan digunakan secara

# Negara masih memerlukan ramai

# ahli kimia

**K**imia bidang penting dalam membantu kelangsungan hidup kerana memberi nilai tambah kepada banyak sektor lain. Ikuti pandangan Profesor Kimia Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Taufiq Yap Yun Hin yang dilantik sebagai ahli Pertubuhan Kebangsaan Kimia Sedunia (IUPAC) mengenai peranannya dalam badan induk itu dan bidang kimia di Malaysia seperti dikongsikan kepada wartawan Varsiti, BASIR ZAHROM.



standar di seluruh dunia. Tugas menamakan bahan kimia ini sebenarnya menurut dilakukan semua bahagian di IUPAC dan ini penting kerana ada teknik tertentu menamakan sesuatu bahan kimia. Ini

perlu melalui beberapa siri perbincangan dengan jawatankuasa terdiri daripada ahli kimia seluruh dunia. Kaedahnya ialah apabila nama sesuatu bahan baharu dinamakan, ahli kimia seluruh dunia

boleh melukis struktur kimianya dan akan digunakan secara standard. Selain itu, bahagian kami juga menjalankan projek 'Buku Hijau' yang diketuai Naib Presiden Bahagian, Prof Roberto Mar-

quardt dari Universiti Strasbourg, Perancis.

**S:** Bagaimanakah Prof melihat perkembangan bidang kimia di Malaysia?

**S:** Bagaimana dengan masa depan bidang kimia di negara ini?

**J:** Diharapkan bidang ini akan terus maju, lebih-lebih lagi dalam usaha negara beralih kepada persekitaran lestari yang memerlukan penggunaan tenaga secara berkesan terutama yang boleh diperbaharui. Petroleum semakin berkurangan jadi, kita perlu mendalami bidang kimia terutama katalis yang digunakan sebagai pemangkin bagi menghasilkan bahan api daripada biomas untuk penghasilan tenaga dalam jangka masa panjang.

Apa pun, penekanan terhadap bidang sains dalam pendidikan perlu diteruskan kerana tanpa asas yang kukuh bagaimana Malaysia akan mampu melahirkan penerima Nobel Laureates pada masa akan datang? Biar pun kita sedia maklum pelaburan dalam sains menelan belanja tinggi, namun haruslah dilihat dalam aspek pelaburan yang menguntungkan bagi menjamin masa depan yang lestari.

